

Negara Malaysia

Dr. M letakkan batu asas Bangunan UMNO Kuala Trengganu

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sedang menyapukan simen cair ke atas tembok untuk melekatkan sekeping batu-bata di upacara meletakkan batu asas Bangunan UMNO Bahagian Kuala Trengganu bernilai \$500,000 di Gong Kapas kelmarin.

Dengan pembinaan bangunan ini, empat bahagian UMNO di negeri ini, Kemaman, Besut, Ulu Trengganu dan Kuala Trengganu mempunyai bangunan masing-masing.

Manakala Bahagian-bahagian Kuala Nerus dan Ulu Nerus pula dijangka mempunyai bangunan sendiri tidak lama lagi.

Antara yang turut hadir di upacara tersebut ialah Menteri Besar Trengganu, Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Perusahaan Awam, Haji Abdul Manan Osman yang juga Ahli Parlimen Kuala Trengganu. — Gambar Berita Harian.

